

**Felda Hilang Punca Pendapatan Jika Tanah Diagih Kepada Generasi Kedua
Bernama
5 Mac, 2012**

BENTONG, 5 Mac (Bernama) -- Sejumlah 360,000 hektar tanah Felda yang dicanang pembangkang hendak diagihkan kepada generasi kedua tanah rancangan Felda jika parti pembangkang memerintah hanya akan menyebabkan Felda hilang punca pendapatan, kata Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Ahmad Maslan.

Beliau berkata tanah tersebut yang diuruskan Felda Plantation merupakan sumber utama kepada Felda.

"Pendapatan hasil ladang berkenaan membolehkan agensi itu membelanjakan kira kira RM1.5 bilion setahun bagi membayar gaji kakitangan, pengurusan, membayar duit raya, pinjaman perumahan, tuisyen pelajaran, insentif, pinjaman usahawan dan pelbagai insentif kepada warga Felda.

"Ladang itu jika dibahagikan kepada kesemua generasi Felda, ia tidak mencukupi, malah mungkin tanah tersebut akan dijual dan akan menghadapi masalah berpanjangan," katanya kepada pemberita di Mempaga, di sini.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=649960>